

POLITIK CINA DI SABAH: HALUAN YANG BERBEZA

*Ghazali Mayudin
Lee Kuok Tiung*

PENDAHULUAN

Etno-politik Cina di Sabah unik kerana masyarakat Cina di negeri ini diwakili paling banyak parti politik di Malaysia berbanding negeri-negeri lain. Umumnya, masyarakat Tiong Hua Sabah (dan tidak dilupai Sino) diwakili oleh empat buah parti (dominasi Cina) komponen Barisan Nasional (BN) iaitu Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Malaysian Chinese Association (MCA) yang dominan dengan identiti parti politik Cina; Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) parti yang berteraskan multi-etnik, sebuah parti yang mendakwa diri mereka parti bebas iaitu Parti Maju Sabah (SAPP) setelah keluar daripada BN pada 17 September 2008 dan dua buah parti dengan konsep oposisi (*opposition*) dari Pakatan Rakyat (PR) iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Masyarakat Cina atau juga dikenali dengan panggilan *Hua Qiao (Oversea Chinese - 华侨)* oleh sesetengah pihak. Tidak ada satu pun dari parti tersebut yang boleh mengaku diri mereka mewakili semua komuniti Cina di Sabah tetapi tidak salah memanggil mereka sebenarnya saling melengkapi antara satu sama lain.

Meskipun SAPP kini beridentitikan multi-etnik, SAPP masih merupakan parti yang paling besar mewakili komuniti Cina dan Sino di Sabah. Pucuk kepimpinan parti tersebut seperti Gerakan, masih didominasi oleh etnik Cina. LDP dan SAPP (sebelum keluar BN pada 17 September 2008) membantu BN memenangi semua kerusi yang diperuntukkan kepada mereka pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 pada 8 Mac 2008 manakala rekod PBS juga tidak kurang hebatnya dengan hanya kehilangan kerusi Parlimen P.172 Kota Kinabalu dan Dewan Undangan Negeri (DUN) N.57 Sri Tanjong di Tawau kepada calon DAP. PKR masih kurang bermasib baik apabila gagal memenangi sebarang kerusi sehingga kini. Dua lagi parti yang beridentitikan parti politik Cina yang mula bertapak Sabah pada tahun 1990 iaitu Gerakan dan MCA kurang menonjol, iaitu menyaksikan MCA diperuntukkan satu kerusi DUN iaitu N.19. Kapayan manakala Gerakan belum mendapat sebarang kerusi. Tidak lupa juga parti pembangkang (*opposition party*) DAP dan PKR, turut mengemukakan calon Cina seperti Christina Liew.

Keterlibatan Gerakan dan MCA bersama-sama United Malay National Organization (UMNO) dan Malaysian Indian Congress (MIC) dari Semenanjung Malaysia dalam pilihan raya di Sabah boleh dijejaki pada tahun 1994 dan banyak dipengaruhi

oleh tindakan PBS menarik diri keluar daripada BN pada tahun 1990 gara-gara tidak puas hati kepada kerajaan pusat tetapi menyertai semula BN pada 23 Januari 2002 setelah 11 tahun keluar daripada BN. Tindakan PBS pada ketika itu sekali gus turut merubah landskap politik Sabah apabila menyaksikan muafakat dalam BN untuk tidak memberi ruang parti-parti komponen BN dari Semenanjung Malaysia memasuki Sabah diubah.¹ Begitupun, nasib kedua-dua parti yang berorientasikan etnik Cina ini tidak mendapat tempat seperti UMNO. MCA mula bertanding di Sabah pada tahun 1994, menyaksikan sehingga kini mereka masih hanya yang berjaya melobi satu kerusi DUN (iaitu N.19 Kapayan) manakala Gerakan hanya bersama-sama membantu BN Sabah tetapi masih belum diperuntukkan sebarang kerusi untuk ditandingi. Keadaan sedemikian juga menyebabkan sesetengah pihak mendakwa Gerakan hanya wujud sebagai badan perhubungan di Sabah tanpa sebarang peranan signifikan.

LATAR BELAKANG

Keseluruhannya, BN kini mempunyai lapan parti komponen dari Sabah (setelah SAPP keluar pada 17 September 2008). Seperkara yang menarik tentang parti-parti komponen BN tempatan di Sabah ialah semuanya mempunyai 'pertalian persaudaraan' sesama mereka. PBS yang dipelopori Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan didaftarkan pada 5 Mac 1985 apabila beliau dipecat daripada Parti BERJAYA pimpinan Datuk Haris Salleh. PBS pernah keluar daripada BN untuk menyertai Semangat 46 dan DAP dalam Gagasan Rakyat. SAPP² ialah sebuah parti multietnik yang dipimpin oleh majoriti pemimpin Cina didaftarkan pada 21 Januari 1994 (iaitu di tengah-tengah waktu DUN Sabah dibubarkan pada 10 Januari 1994 dan pilihan raya pada 18 dan 19 Februari 1994) dan menyertai pilihan raya DUN seminggu selepas itu. Pada awal penubuhannya, SAPP cenderung mirip sebuah parti Cina sepenuhnya tetapi perlahan-lahan cuba menterjemahkan diri mereka kepada sebuah parti multietnik. Presiden SAPP sehingga kini masih lagi Datuk Yong Teck Lee selaku protem parti ketika mendaftarkan SAPP dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) pada 21 Januari 1994 (beliau merupakan antara pengasas PBS, mantan Timbalan Presiden PBS, merangkap Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pembangunan Industri sebelum berhenti menubuhkan parti SAPP).³ LDP yang kini diterajui VK Liew ditubuhkan oleh Tan Sri Chong Kah Kiat apabila beliau turut bertindak keluar daripada PBS pada tahun 1994. Selain itu, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) pimpinan Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup yang ditubuhkan pada 11 Mac 1994 juga merupakan parti serpihan daripada PBS dan diterima secara rasminya sebagai salah sebuah parti komponen BN pada 10 Jun 1994.

Dalam PRU ke-12, BN Sabah membahagi-bahagikan kerusi sesama komponen mereka iaitu di antara LDP, SAPP, PBS, PBRS, UPKO, UMNO dan MCA. Jumlah keseluruhan kerusi di Sabah tidak banyak berbeza dengan PRU ke-11 iaitu

hanya ada penambahan satu kerusi DUN selepas persempadanan semula jika dibandingkan dengan 25 kerusi Parlimen dan 60 kerusi DUN pada 2004.

Jadual 1: Agihan kerusi BN Sabah dalam PRU ke-12

Parti	Parlimen	DUN
UMNO	13	36
SAPP	2	4
PBS	4	12
LDP	1	3
MCA	0	1
UPKO	4	4
PBRIS	1	1
Gerakan	0	0
Jumlah	25	61

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-12 SABAH

Pencapaian BN di Sabah pada pilihan raya ke-12 dilihat tidak banyak perbezaan dengan pencapaian pilihan raya ke-11 pada tahun 2004 disebabkan BN Sabah berjaya mengulangi kejayaan memenangi 59 kerusi DUN dan 24 kerusi Parlimen sama seperti kejayaan empat tahun yang lepas. Bezanya, pada tahun 2004 kerusi yang tidak dimenangi BN ialah Parlimen Sandakan dan DUN Kuala Penyu, tetapi pada PRU ke-12, kawasan yang tidak dimenangi BN ialah Parlimen Kota Kinabalu dan DUN Sri Tanjung iaitu merupakan dua-dua calon Cina PBS untuk kawasan bandar.

Jadual 2: Kawasan majoriti Cina dan kawasan calon Cina

N 44 Karamunting	14 696	53 08	1. Sak Cheong Yu (BEBAS) 2. Tan Shu Tee (PKR) 3. Peter Pang En Yin (LDP-BN) 4. Chok Kon Tack (DAP)	1 455 452 5 171 1 809
P 186 Sandakan	32 847	60 49	1. Chong Chu Lun @ Shanty (DAP) 2. Danuk Liew Yu Keong (LDP-BN) 3. Fong Yun Fui (BEBAS)	8 121 8 297 2 929
N 45 Elopura	18 363	59 95	1. Au Kam Wah (SAPP-BN) 2. Pang Chen Miew (PKR)	7 919 2 510
N 46 Tanjong Pagar	14 484	61 18	1. Danuk Raymond Tan Shu Kiah (SAPP-BN) 2. Teo Yan Boon @ Anthony (DAP)	6 418 2 492
N 57 Sri Tanjung	20 306	73 97	1. Samson Chun Chee Tsu (PBS-BN) 2. Wong Sze Phin @ Jimmy (DAP) 3. Kong Hong Ming @ Kong Fo Min (PKR)	4 187 5 359 3 090

* Kawasan calon Cina tetapi pengundi bukan majoriti Cina

N 13 Inanam	19 300	34 29	1 Goh Chun Luk @ Johnny Goh (BN) 2 Jeffrey Kumun @ John (DAP) 3 Clarence Chan @ Olay (BEBAS) 4 Daniel John Jambun (PKR)	5 979 2 864 196 4 293
P17 Tanjong Aru	19 993	36 52	1 Edward Yong Ooi Fah (BN) 2 Awang Ahmad Shah (PKR) 3 Yang Chan Tzee @ Teddy Yap (DAP)	6 430 3 470 2 298
N 19 Kapayan	20 723	47 27	1 Stephen Jacob Jumbang (DAP) 2 Pang Chen Mew (PKR) 3 Datuk Chau Chin Tang (PKR)	4 100 6 162 3 658
N 26 Kuala Penyu	12 903	6 81	1 Teo Kwan Chin @ Teo Mau Sing (Lipka-BN) 2 Johan @ Christopher O T Ghans (BEBAS) 3 Guandee Kobou (PKR)	4 416 4 159 889
N 185 Baru Sapi	26 004	37 21	1 Chung Kwong Win (HEBAS) 2 Edmund Chong Kei Wah (BN)	5 771 9 479
N 190 Tawau	42 560	44 18	1 Lir Chan Soon Bui (SAPP-BN) 2 Chan Foong Hin (DAP) 3 Berhan @ Brian Ruslan (PKR)	13 943 9 076 3 278
N 58 Merotai	13 931	23 49	1 Moktar Ahmad (BEBAS) 2 Mohamad Tingka (DAP) 3 Pang Yuk Ming (LDP-BN) 4 Soon Ten Fook (BEBAS) 5 Salman Nurullah (BEBAS)	289 931 3 723 3 481 286
N 171 Sepanggar	39 251	21 98	1 Ewol Muju @ Edward Ewol Muju (DAP) 2 Fachin Majnun @ Eric (SAPP-BN) 3 Mohamad Ibrahim Abdullah @ Yembun (PKR)	3 709 16 884 5 423

Catatan: SAPP bertanding atas tiket BN pada PRU ke-12

SAPP dan LDP di Sabah tidak berhadapan dengan masalah besar untuk memenangi kerusi yang diperuntukkan kepada mereka. Namun demikian, PBS yang juga menurunkan calon Cina untuk kerusi Sri Tanjong, Tawau dan kerusi Parlimen Kota Kinabalu telah kalah kepada calon DAP yang asing dalam kalangan rakyat Sabah. Kerusi Parlimen P.172 Kota Kinabalu yang menjadi perebutan di antara dua parti komponen BN iaitu PBS dengan SAPP sebelum penamaan calon yang tidak dipertahankan oleh penyandanginya, Datuk Dr. Yee Moh Chai dari PBS telah dimenangi calon DAP, Dr. Hiew King Chiew. Calon PKR, Christina Liew yang diramal mendapat sokongan persatuan-persatuan Cina utama di sekitar kota kinabalu (12 buah persatuan) tidak jauh ketinggalan di belakang calon DAP dengan kekurangan 106 undi. Calon muka baharu calon BN-PBS, Chin Teck Meng hanya berjaya menduduki kedudukan ketiga di belakang Hiew dan Christina Liew dengan keseluruhan 8,420 undi. Jimmy Wong daripada DAP membuat kejutan dengan menewaskan calon PBS, Samson Chin, iaitu penyandang bagi kerusi N.57 Sri Tanjong, menjadikan beliau satu-satunya wakil pembangkang dalam DUN Sabah.

Datuk Liew Teck Chan dari SAPP tidak bermasalah mengekalkan kerusi DUN N.14 Likas dengan majoriti 862 undi. Datuk Dr. Yee Moh Chai (PBS) yang hanya

diturunkan untuk kerusi DUN N.15 Api-Api turut berjaya mengekalkan kerusi yang dimenangnya pada musim lepas dengan majoriti tipis iaitu 174 undi. Melanie Chia (N.16 Luyang), Au Kam Wah (N.45 Elopura), Datuk Raymond Tan (N.46 Tanjong Papat), termasuk Eric Majimbun (P.171 Sepanggar) daripada SAPP tidak menghadapi sebarang masalah mempertahankan kerusi mereka. Dr. Chua yang memberi laluan kepada Sim Paw Fatt untuk kerusi P.190 Tawau pada PRU ke-11 juga telah kembali memenangi kerusi yang pernah dimenangi beliau sewaktu PRU ke-10.

Johny Goh dan Edward Yong dari PBS turut berjaya mengekalkan kerusi masing-masing. Peter Pang yang menggantikan Datuk Wong Lien Tat berjaya membantu LDP-BN mengekalkan kerusi N.44 Karamunting; Presiden LDP, VK Liew berjaya membantu BN menawan balik kerusi Parlimen P.186 Sandakan daripada DAP (Chong Chu Lin @ Shanty) dengan majoriti tipis 176 undi. Teo Kwan Chin turut berjaya membantu BN menawan balik kerusi N.26 Kuala Penyu yang dimenangi calon Bebas dalam PRU ke-11. Satu-satunya wakil tunggal daripada MCA iaitu Datuk Edward Khoo juga berjaya mengekalkan kerusi N.19 Kapayan yang dimenangi beliau sewaktu PRU ke-11. DUN N.44 Karamunting yang pertama kali dimenangi LDP pada tahun 1999 melalui Datuk Wong Lien Tat dan dipertahankan oleh beliau pada pilihan raya lalu berjaya dikekalkan oleh muka baharu, Peter Pang En Yin kali ini.

Jadual 3: Keputusan PRU ke-12 negeri Sabah

Parti	Parlimen	DUN
UMNO	13	36
SAPP	2	4
PBS	3	11
LDP	1	3
MCA	0	1
UPKO	4	4
PBRIS	1	1
DAP	1	1
Jumlah	25	61

Catatan:

UPKO - United Pasok Momogun Kadazandusun Murut Organisation yang dahulunya dikenali sebagai Parti Demokratik Sabah (PDS)

PBRIS - Parti Bersatu Rakyat Sabah

Parti-parti komponen yang mewakili bumiputera bukan Islam dalam PRU ke-12 mencatatkan rekod yang begitu baik berbanding tahun 1999, iaitu mereka hanya memenangi dua daripada 16 kerusi yang diperuntukkan kepada mereka ketika

itu. SAPP yang beridentitikan parti politik Cina pada ketika itu juga hanya berjaya memenangi tiga daripada lima kerusi yang diamanahkan kepada mereka manakala MCA yang diberikan satu kerusi turut gagal. LDP pada ketika itu (1999) menang di kedua-dua kerusi yang diberikan kepada mereka dan UMNO memenangi kesemua 24 kerusi ketika itu. Ketika itu, SAPP mempunyai dua Ahli Parlimen (MP) dan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) setelah Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, YB Datuk Raymond Tan Shu Kiah (Tanjong Papat) dan Au Kam Wah (Elopura) keluar daripada parti setelah SAPP mengumumkan keluar daripada BN pada 17 September 2008. MP terdiri daripada YB Eric Enchin Majimbum (Sepangar, dahulunya dikenali Parlimen Gaya) dan YB Dr. Chua Soon Bui (Tawau), sementara ADUN terdiri daripada mantan Pembantu Menteri Kewangan Negeri YB Melanie Chia (Luyang) dan mantan Timbalan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah (Sedco), Datuk Liew Teck Chan (Likas). UPKO mempunyai empat kerusi Parlimen iaitu di Ranau, Tuaran, Putatan dan Penampang, manakala enam kerusi DUN di Moyog, Kuala Penyu, Paginatan, Bingkor, Nabawan dan Kuamut.

POLITIK CINA SABAH: HALUAN BERBEZA?

Perbezaan haluan dalam landskap politik Cina boleh dilihat dalam tiga tempoh waktu iaitu tempoh sebelum pembubaran Parlimen, selepas pilihan raya pada 8 Mac 2008 dan sepanjang tempoh kempen pilihan raya (23 Februari hingga 7 Mac 2008) yang menyaksikan masing-masing cuba memfokus kepada kempen meraih undi. Perbincangan untuk bahagian tempoh berkempen akan lebih menjerus kepada isu-isu yang dibawa dan perbincangan yang difokuskan merupakan perbezaan di antara BN dengan PR.

BAHAGIAN I – PRA-PILIHAN RAYA

Pergeseran berhubung pengagihan kerusi boleh dilihat berlaku dalam dua bentuk iaitu pertamanya, internal yakni sesama parti-parti komponen dalam BN dan juga PR dan keduanya, sesama ahli dalam sesebuah parti terutama berpunca daripada perebutan menjadi calon dan pertikaian soal siapa yang lebih layak.

1. Perbalahan Pengagihan Kerusi Sesama Parti Komponen (BN & PKR)

Berbeza dengan BN di Semenanjung Malaysia yang banyak menampilkan muka baharu dalam PRU ke-12 (khabarnya muka baharu untuk mendepani isu-isu baharu), Sabah seperti juga Sarawak tidak memperkenalkan terlalu ramai muka baharu menyaksikan kemenangan besar buat mereka tetapi nampaknya aspek ini tidak banyak

disentuh oleh penganalisis politik sebagai punca kekalahan BN di Semenanjung Malaysia. Pergeseran dalaman politik jelas kelihatan berlaku dalam parti-parti komponen BN sendiri kali ini. Sebelum Parlimen dibubarkan malah sepanjang tahun 2007 lagi, wujud pertikaian sesama parti komponen BN di Sabah berhubung isu peruntukan bilangan kerusi bagi setiap komponen parti BN. Desas-desus Datuk Yong akan mengambil alih kerusi Parlimen P.172 Kota Kinabalu jelas terpapar dalam akhbar apabila beliau mengumumkan nama calon SAPP iaitu beliau telah memberikan kerusi DUN N.14 Likas kepada Datuk Liew Teck Chan. Keputusan Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee yang kembali layak bertanding (setelah selesai menjalani hukuman gantung lima tahun daripada bertanding setelah didapati bersalah pada tahun 2001 berikutan *billboard offence* ketika bertanding untuk kerusi Likas pada tahun 1999) menyuarakan (kepada media) hasratnya bertanding di kerusi Parlimen P.172 Kota Kinabalu yang disandang oleh Timbalan Presiden PBS, Datuk Dr. Yee Moh Chai telah dikedam presiden PBS, Datuk Seri Panglima Josep Pairin Kitingan yang beranggapan tindakan tersebut sebagai tidak menghormati toleransi (*disrespectful*) sesama parti komponen BN dan mengklasifikasikannya sebagai satu tindakan di luar batas. Kenyataan presiden PBS tersebut dibalas balik oleh Datuk Yong dengan menyeru PBS menghormati "hak orang lain meluahkan pendapat mereka" sambil menekankan formula perkongsian kuasa hanyalah garis panduan bagi pengagihan kerusi dan mengutamakan kemenangan BN kerana tidak bermakna seorang penyandang kerusi jaminan BN akan mengekalkan kemenangan di kawasan tersebut.⁴ Situasi ini jelas menunjukkan berlaku perselisihan perkongsian kuasa dalam BN.

Keadaan yang hampir sama turut disaksikan sesama komponen PR iaitu sesama DAP dengan PKR. Bezanya ialah perebutan sesama komponen BN disaksikan sebelum penamaan calon berjaya diselesaikan atas dasar setiakawan tetapi polemik di pihak PR berpanjangan sehingga berlaku pertembungan di antara calon DAP dengan PKR. Malahan, sesetengah sarjana berpendapat ada beberapa kerusi bakal jatuh ke tangan pembangkang sekiranya pembangkang di Sabah dapat berkompromi untuk memastikan percaturan satu lawan satu berjaya dicapai untuk menghasilkan impak yang padu di semua kerusi seperti di Semenanjung Malaysia. Daripada keseluruhan sembilan kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Cina, enam kawasan iaitu P.172 Kota Kinabalu, N.14 Likas, N.16 Luyang, N.44 Karamunting dan N.57 Sri Tanjong menyaksikan DAP bersaing dengan PKR. Pembangkang melalui DAP yang menang di P.172 Kota Kinabalu dan N.57 Sri Tanjong dijangka akan memperoleh lebih banyak kerusi berdasarkan keputusan kerusi N.14 Likas (5,123 lawan 4,097), N.16 Luyang (6,365 lawan 5,073) dijangka akan memihak kepada pembangkang sekiranya mereka berkompromi menurunkan salah seorang wakil. Begitu juga untuk kerusi N.13 Inanam (7,157 lawan 5,979) dan N.19 Kepyayan (7,758 lawan 6,162).

2. Konflik Dalam Parti

Pergeseran dalaman parti politik Cina paling ketara boleh disaksikan terhadap LDP melalui pengguguran nama Timbalan Presiden LDP, Brid. Jen. Datuk Liew Yun Fah untuk mempertahankan kerusi DUN N.58 Merotai dan digantikan dengan salah seorang orang kanan Datuk Liew Yun Fah iaitu Pang Yuk Ming. Pengganti tersebut dalam temu bual (penyelidik dengan Pang) melihat dirinya sebagai calon 'payung terjun' dan berpendapat diri beliau sebenarnya 'dihimpit' berdasarkan kata-kata beliau yang berbunyi "Datuk Liew Yun Fah ialah 'boss' saya, LDP 'parti' saya." Pang turut berpendapat nama beliau naik disebabkan tekanan daripada UMNO melalui Datuk Abdul Ghapur Salleh yang 'mahukan orang baharu,' dengan alasan 76.51 peratus daripada penduduk di kawasan tersebut ialah etnik bumiputera. Tambah beliau, "semua orang tahu dia (Datuk Liew) bekerja di kementerian, di kawasan DUNnya, Merotai". Difahamkan keadaan ini jugalah yang menyebabkan seorang ahli LDP, Soon Ten Fook bertanding sebagai calon Bebas apabila gagal memujuk Datuk Liew Yun Fah bertanding atas tiket calon Bebas.

Dalam soal ini, faktor politik dalaman parti turut mempengaruhi senarai nama calon yang dikemukakan oleh pucuk pimpinan parti untuk *endorsement* daripada Presiden BN iaitu Perdana Menteri. Sejurus selepas Parlimen digugurkan, timbul isu bahawa Datuk Ghapur mahu kerusi tersebut diserahkan balik kepada UMNO kerana 76.51 peratus (peratus kaum N.58 Merotai: B/1 – 66.79 peratus; B.B.1 – 7.68 peratus; C – 23.49 peratus; & L – 2.04 peratus) daripada penduduk kawasan tersebut terdiri daripada komuniti bukan Cina. Pada Mei 2008, bekas ADUN Merotai itu akhirnya terpaksa keluar daripada LDP setelah keahliannya digantung atas dakwaan (mensabotaj calon BN) yang tidak pernah dibuat.

BAHAGIAN II – KEMPEN PILIHAN RAYA

Kempen PRU ke-12 yang panjang boleh dipecahkan kepada dua tempoh iaitu *cooling period* dan *campaign period*. Rata-rata parti sama ada daripada BN mahupun pembangkang pada minggu pertama belum memfokus pada ceramah kempen pertama atas beberapa faktor. Pertamanya, kedua-dua belah pihak berpendapat ceramah yang terlalu awal tidak menguntungkan kerana pihak lawan selalunya hanya 'libas balik' atau *counter attack* agenda mahupun isu yang dibawa untuk memenangi hati pengundi tanpa perlu membawa sebarang isu baharu. Keduanya, mengadakan kempen ceramah memerlukan masa untuk mendapatkan permit daripada pihak berkuasa tempatan iaitu polis. Tempoh dua hari diperlukan kerana PDRM akan meninjau kesesuaian kawasan tersebut (tidak mengganggu ketenteraman awam, tidak menyebabkan kesesakan lalu

lintas jalan dan pemilik premis kawasan yang dipohon kerana tidak mahu berlaku kes kebenaran kawasan yang dibahagi milik pihak ketiga. Ketua balai polis daerah telah diturunkan kuasa oleh ketua polis negara untuk menilai dan meluluskan permit terbabit. Faktor ketiga berkaitan dengan calon-calon baharu BN yang mencecah 30 peratus daripada keseluruhan calon BN dan berkait rapat dengan strategi BN serta sebab utama tempoh masa pilihan raya kali ini ialah dua minggu atau lebih tepat 13 hari iaitu minggu pertama adalah *cooling period* iaitu tempoh masa menawan balik hati mantan-mantan ahli DUN dan Parlimen yang telah digugurkan, perjumpaan dengan ketua-ketua kampung, ketua-ketua anak negeri dan kapitan-kapitan Cina. Langkah ini bertujuan mengelakkan pertembungan dengan rakyat yang tidak berpuas hati calon kegemaran mereka digugurkan. Misalnya, kes yang paling ketara ialah di Merotai yang mahukan mantan DUN mereka iaitu Datuk Liew Yun Fah atas sebab itu "wakil rakyat rakyat" tetapi LDP menurunkan seorang "wakil rakyat parti." Minggu kedua iaitu bermula dari tarikh 3 hingga 7 Mac 2008 merupakan tempoh berkempen (*campaign period*). Keadaan ini mendorong calon baharu LDP, BN untuk DUN Merotai berpendapat "orang cakap tempoh masa 13 hari terlalu lama, sebenarnya Pak Lah merupakan seorang *smart leader*." Faktor seterusnya berkenaan dengan strategi kempen iaitu minggu pertama bagi calon seperti Samson Chin menggunakan kempen melawat penduduk kawasannya dari rumah ke rumah pada minggu pertama. Pang Yuk Ming menggunakan minggu pertama berjumpa dengan semua ketua kampung, ketua anak negeri dan kapitan Cina untuk mendapatkan sokongan mereka sebelum masuk ke kawasan mereka untuk bertemu penduduk.

Umumnya, sepanjang waktu berkempen dalam PRU ke-12, persetujuan lebih banyak tertonjol di antara BN dengan PR melalui isu-isu yang dibawa. PR nampak lebih cenderung membangkitkan isu manakala BN pula menepis isu-isu tersebut dan dalam hal-hal tertentu terpaksa mempertahankannya.

ISU PILIHAN RAYA

1. Isu Kenaikan Harga Minyak

Isu kenaikan harga minyak yang dikatakan faktor pembawa kemenangan mengejut DAP di Sarawak dalam pilihan raya DUN 2006 sekali lagi digunakan oleh pembangkang untuk meraih undi. Senario yang sama disaksikan dalam kempen kali PRU ke-12 dengan pilihan raya DUN Sarawak pada tahun 2006 iaitu pembangkang setakat mengungkitkan kenaikan harga minyak tanpa memberitahu cara mereka akan menyelesaikannya. Rata-rata responden yang ditemui berasa DAP memahami *kekangangan hidup* mereka implikasi daripada kenaikan harga minyak apabila mereka mengutarakan isu terbabit tetapi BN yang mempertahankan tindakan kerajaan

menaikkan harga minyak menyebabkan mereka berasa serba salah. Isu yang mengundang pelbagai ulasan dan perbincangan ialah tentang kenaikan kos sara hidup terhadap pemerintah. Di sini kita boleh menganalisis bahawa perubahan yang terlalu mendadak juga suatu masalah. Penduduk DUN di Tanjung Batu, Tawau misalnya mengakui isu minyak masih mempengaruhi corak pengundi kerana kenaikan harga minyak telah menyebabkan semua barangan keperluan naik meskipun kerajaan berulang mengulangi komitmen akan mengawal harga barangan keperluan, penguatkuasaan untuk 'laungan' tersebut difahamkan kurang berkesan.

Soal kenaikan ini jelas tidak memihak kepada pihak BN. Isu kenaikan harga minyak gagal diperjelaskan dengan tepat oleh kerajaan kepada rakyat sehingga dimanipulasi oleh pembangkang untuk meraih undi. Kreativiti pembangkang dalam kempen kali ini nampak sedikit berbeza dengan banyak kain rentang (*banners*) dinaikkan pada minggu pertama. Propaganda-propaganda yang berbunyi seperti "Minyak naik 30 sen, rakyat menderita: satu lagi projek BN", slogan PAS yang berbunyi "PAS bersama rakyat menuntut keadilan". Slogan yang diguna pakai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim "Kita Semua Sekeluarga" sedikit mengambil hati rakyat. Apabila Anwar mengulas, "Siapa lagi yang lebih memahami perasaan dan keperitan yang dilalui selain daripada beliau (merujuk kepada bagaimana beliau dianiaya oleh kerajaan dengan pelbagai tuduhan salah laku dan dipenjarakan)..." sebahagian rakyat yang semakin terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup menganggap hanya beliau yang memahami perasaan mereka.

2. Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Kebanjiran PATI di Sabah khususnya dari Indonesia dan Filipina telah dikesan sejak tahun 1970-an dan sehingga kini belum ada jalan penyelesaian yang dapat ditemui. Federal Special Task Force menganggarkan terdapat lebih 600,000 orang PATI di Sabah tetapi Datuk Patrick Sindhu (Presiden CASH) mendakwa jumlah sebenar mencecah 1.5 juta orang iaitu separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Sabah.

Sesetengah pihak seperti SUHAKAM mendakwa PATI mendapat layanan lebih istimewa berbanding dengan anak-anak tempatan kerana mereka boleh dimanipulasi untuk tujuan kepentingan politik. Lewat 1960-an dan awal 1970-an merupakan kemuncak tempoh kehadiran 'pelarian' mendarat di Sabah dengan kebanyakannya datang dari selatan Filipina yang dianggarkan 40 hingga 60 ribu orang. Berbeza dengan pelarian Vietnam yang ditempatkan di Pulau Ridong dan kemudiannya dihantar pulang ke negara asal atau ke negara dunia ketiga, 'pelarian' Filipina tersebut masih berada di Sabah setelah lebih 40 tahun. Malaysia tidak menandatangani Konvensyen PBB berkaitan status pelarian 1951 mahupun protokol kepada status

Pelarian 1967 dan juga hak asasi utama PBB yang relevan kepada pelarian dan pencari pelindung. Oleh itu, semua 'pelarian' di Malaysia seharusnya dilayan seperti pendatang tanpa izin dan tertakluk kepada hukuman, penahanan dan penghantaran pulang di bawah Akta Imigresen 1959/ 63. Kes yang pernah dibawa pengadu (pendatang dari Filipina) kepada SUHAKAM (Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Tan Sri Simon Sipaun) bahawasanya beliau memiliki kad pengenalan semenjak tahun 1994 tetapi kad pengenalannya hanya boleh diguna pakai sewaktu pilihan raya di samping memiliki kad keahlian UMNO; KP Malaysia "Bunga Raya" dan kemudiannya diberi MyKad; pengeluaran permit IMM13 kepada warga Filipina walaupun permit itu tidak lagi sepatutnya dikeluarkan selepas 1984; pernah juga ada cubaan untuk mengeluarkan IMM13 kepada Rohingya (pelarian Myanmar) tetapi dibatalkan; sekitar 20 tahun lalu apabila Kampung Ice Box di Tawau terbakar sehingga menyebabkan lebih 5,000 orang kehilangan tempat tinggal, kerajaan negeri mendapati hanya 500 orang daripada keseluruhan jumlah tersebut terdiri daripada penduduk Malaysia? Sikap sambil lewa kerajaan membanteras permasalahan ini menimbulkan kemarahan di kalangan pemimpin tempatan Sabah (termasuk SAPP) misalannya minggu pengampunan dan peluang untuk memohon dokumen yang sah. Difahamkan kes-kes sebegini tidak timbul jika ia tidak dirancang, diluluskan dan digalakkan oleh orang-orang tertentu yang berpengaruh dan berkuasa. Statistik daripada setiap agensi kerajaan berbeza-beza tetapi jumlah PATI ini sama jika tidak lebih dengan jumlah penduduk Sabah.

3. Pembanterasannya Jenayah (*Crime Preventions*)

Isu keselamatan merupakan isu kedua tertinggi yang mendapat perhatian. Kes-kes terutamanya pembunuhan Altantuya yang dikaitkan dengan anggota polis dan pemimpin utama politik, kes kehilangan Sharlinie yang sekian lama gagal diselesaikan, kegagalan polis mengambil tindakan ke atas mat rempit dan kebanjiran warga asing di sekitar ibu kota semasa cuti perayaan telah dijadikan indikator betapa goyahnya aspek keselamatan di negara ini. Kenaikan kadar jenayah dengan pemaparan media berhubung beberapa isu besar yang dimanipulasi pembangkang boleh dilihat menerusi propaganda mereka yang berbunyi seperti, "*Nurin Jazlin mati dibunuh dengan kejam, & pembunuhan masih bebas,*" "*Adik Sharlinie Mohd Nashar yang hilang masih belum ditemui,*" "*Kadar jenayah Negara kita meningkat 13.4% pada tahun lalu (2007),*" "*Setiap hari purata 8.5 wanita dirogol (2007) berbanding 4 wanita (2003),*" dan "*Kini mereka datang dan berjanji lagi SELAMAT, AMAN, MAKMUR*" yang diubah suai daripada manifesto BN untuk memperkecil-kecilkan dan menimbulkan perasaan was-was dengan kepimpinan Kerajaan BN. Pada masa sama, pihak BN pula nampak seolah-olah isu yang diungkit-ungkitkan pihak pembangkang adalah *non-issues* dan tidak mengambil berat terhadapnya.

4. Pendidikan

Isu nasional yang ditimbulkan oleh parti komponen BN di Sabah ialah pendidikan. Difahamkan pendidikan percuma melalui pemansuhan yuran menduduki peperiksaan awam, buku teks percuma dan peruntukan membangunkan sekolah-sekolah Cina dimanfaatkan. Apapun, isu pendidikan percuma sebenarnya menaikkan rasa marah rakyat kepada kerajaan kerana jenis bayaran yang dimansuhkan tidak jelas dan masih ada bayaran-bayaran lain yang perlu dibayar oleh ibu bapa. Responden dari Kota Kinabalu yang ditemui mempertikaikan “apa sebenarnya yang tidak perlu bayar, dan kalau sudah cakap ‘pendidikan percuma’, mengapa perlu bayar macam-macam lagi?” Dalam soal ini, tindakan sesetengah sekolah yang membuat kutipan wang untuk pembelian buku latihan kerja turut dibangkitkan. MCA masih memainkan isu pendidikan sebagai salah satu agenda perjuangan utamanya yang dianggap sebagai ‘isu lama’ yang diperlekehkan oleh pembangkang sebagai tidak mampu memperjuangkan nasib masyarakat Cina kerana masalah pendidikan masih belum selesai sehingga kini.

5. Pertikaian Integriti SPR

Tindakan SPR memutuskan untuk tidak menggunakan dakwat hitam pada saat-saat akhir menggambarkan ketidaksediaan SPR menghadapi pilihan raya dan isu ini telah dimanipulasikan oleh pembangkang untuk menuduh SPR *favours* kepada BN sesuai dengan strategi BN. Tidak kurang juga yang mendakwa penarikan balik rancangan menggunakan dakwat itu sebagai satu muslihat. Tekad dan sikap bersungguh-sungguh untuk menggunakan dakwat tersebut diperbualkan buat begitu lama dengan pengerusi SPR turut diundang ke forum televisyen untuk menjelaskan kepada rakyat rasionalnya penggunaan dakwat hitam tersebut tetapi SPR sendiri memutuskan untuk membatalkan niat tersebut seminggu sebelum tarikh pilihan raya menyebabkan rakyat mengesyaki berlaku sesuatu yang mencurigakan. Sebaliknya, BN pula dalam soal ini nampak tidak membantah keputusan tersebut kerana percaya SPR mempunyai rasional mereka membuat keputusan tersebut. SPR sepatutnya lebih *firm* dengan keputusan mereka kerana tindakan itu menggambarkan kredibiliti mereka.

6. Lain-lain

Isu pembinaan patung Mazu yang melibatkan sensitiviti perkauman di antara orang Melayu dengan Cina di Kudat turut hangat diperkatakan sebelum pilihan raya. Tuntutan Cuepacs bagi mendapatkan bonus untuk kakitangan awam sungguhpun diandaikan tidak begitu menarik perhatian masyarakat Cina tetapi sebenarnya memberikan implikasi yang besar juga kerana setiap kawasan bukan semua secara

totalnya mempunyai etnik Cina. Perang saraf pihak pembangkang melalui kain rentang, peningkatan kadar jenayah dan kemunculan penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikenali sesetengah pihak pandai berkata-kata mengikut kesesuaian khalayaknya sedikit banyak memberikan suatu tamparan terutamanya melalui slogan yang diguna pakainya "*Kita Semua Sekeluarga*". Masyarakat bandar seperti pendapat Datuk Liew Yun Fah, "sudah mempunyai kehidupan sendiri, ada rumah, pekerjaan, ada pendapatan tetap dan isu mereka lebih global, misalannya ekonomi global". Tambahnya, media massa seperti jaringan internet juga memainkan peranan membekalkan maklumat tambahan dan mempengaruhi pilihan mereka terhadap parti-parti politik. Rakyat sebenarnya bukan mahukan wang daripada wakil rakyat, mereka juga ada harga diri, majoriti mereka sebenarnya mahu 'disegerakan' isu mahupun permasalahan yang dikemukakan kepada wakil rakyat mereka.

BAHAGIAN III – PASCA PILIHAN RAYA

1. Pengagihan Kerusi Kabinet

Pengumuman jemaah menteri baharu Pak Lah menjadi isu yang paling hangat sejurus selepas pilihan raya. Wujud desas-desus bahawa parti komponen BN dari Sabah dan Sarawak mungkin meminta lebih banyak perwakilan dalam Kabinet, setelah masing-masing memenangi 24 daripada 25 kerusi dan 30 daripada 31 kerusi yang ditandingi. Begitupun, rata-rata pemimpin Sabah kecewa dengan jumlah perjawatan dan jenis perjawatan yang diagihkan kepada Sabah. Keseluruhannya, BN pusat dituduh tidak memberikan jawatan menteri penuh dan timbalan menteri seperti yang diharapkan kepada Sabah. Daripada jumlah tersebut, hanya Presiden LDP menjadi wakil tunggal pemimpin Cina daripada Sabah yang mendapat jawatan timbalan menteri. SAPP langsung tidak memperoleh sebarang jawatan dalam kabinet. SAPP seperti parti-parti komponen BN lain berpendapat Sabah perlu diberi peluang yang lebih banyak untuk memegang jawatan dalam kabinet memandangkan Sabah merupakan antara kubu terkuat BN. Begitupun, penulis percaya banyak lagi perkara yang menarik boleh disaksikan dalam masa beberapa bulan terdekat ini.

2. Dakwaan Parti Komponen BN Sabah di Marginal

Sabah (bersama Sarawak) yang menyumbang sebahagian besar kerusi yang dimenangi BN untuk membentuk kerajaan Malaysia terasa mereka dipinggirkan oleh BN terutamanya berpandukan bilangan jawatan kabinet yang diperuntukkan kepada BN Sabah. Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee telah memberi kata dua kepada BN Pusat pada 14 Mei 2008 untuk menyelesaikan permasalahan yang diajukan sebelum Ogos 2008⁵. Situasi tersebut memberikan suatu tamparan hebat terhadap kestabilan

BN terutamanya dasar-dasar BN yang didakwa hanya menguntungkan pihak-pihak tertentu. Hal yang dirasakan BN Sabah sebenarnya turut dirasakan oleh parti komponen BN lain di Semenanjung Malaysia misalnya mantan presiden Gerakan, Tun Dr. Lim Keng Yeik telah mengeluarkan kenyataan keras mendakwa BN melayan parti komponen BN sebagai pengemis dan isu perkauman yang dimainkan sesetengah pemimpin UMNO menyebabkan pengundi Cina menolak BN⁶. Dalam rancangan forum Astro AEC (*talking_issues*, saluran 301 yang berpendapat setiap Sabtu pukul 10.30 – 11.30 malam pada 3 Mei 2008), Datuk Lim turut jika disiarkan hanya komponen-komponen BN sahaja yang giat memperbaiki diri dan UMNO masih megah dengan diri sendiri, mereka 'hanya akan membawa Gerakan ke jalan mati.'

SAPP merupakan parti yang paling lantang mendesak BN Pusat apabila dengan beraninya mengadakan sidang akhbar pada 17 Jun 2008 menyatakan hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (termasuk Dr. Chua Soon Bui (Tawau) dan Eric Enchin Majimbun (Sepangar)). Genap tiga bulan selepas itu, pada 17 September 2008, Datuk Yong Teck Lee mengumumkan Parti SAPP keluar daripada BN berkuatkuasa serta-merta kerana antara lain mendakwa BN telah hilang 'semangat BN'. Pada masa yang sama, laporan daripada media telah mendakwa SAPP telah berpecah berdasarkan 2,000 ahli dari 15 cawangan SAPP di Tanjung Papat, Sabah mengumumkan keluar dari parti itu sebagai menyokong pendirian Timbalan Presiden SAPP, Datuk Raymond Tan Shu Kiah yang tidak bersetuju dengan keputusan Majlis Tertinggi SAPP untuk keluar dari BN.

SAPP sebenarnya bukan pihak pertama menunjukkan devian (*deviant*) terhadap BN sebaliknya sudah ada pemimpin Parti Gerakan dan MCA yang lebih dahulu secara terang-terang 'menyeberangi' ke pihak musuh menyertai PKR. SAPP juga bukan pihak pertama yang mempertikaikan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana dari kalangan ahli UMNO sendiri sudah ada yang lantang mengkritik kredibiliti Pak Lah malahan kita boleh menyimpulkan antara penyebab kemerosotan sokongan rakyat kepada BN dalam PRU ke-12 adalah disebabkan oleh konflik dalaman UMNO. Begitupun, SAPP sebagai sebuah entiti politik harus menerima kreditnya sendiri juga kerana bertindak atas sebuah parti (sungguhpun ada dalam kalangan ahli SAPP yang tidak bersetuju dan akhirnya keluar parti dan melakukannya 'secara terbuka,' serta dilihat sebagai 'memetik picu' (*pull the trigger*) perpecahan yang dihadapi BN. Kesan domino (*domino effects*) yang boleh dilihat rentetan daripada itu adalah Gerakan (salah sebuah parti 'pengasas' gabungan parti BN) telah menggunakan nada yang lebih keras membayangkan akan

mengkaji semula kedudukan mereka bersama-sama BN⁸ (Alan Ting, 2008) dan ini diikuti kenyataan (yang berbunyi keras "...Upko must seriously review its position in Barisan...") yang sama oleh Timbalan Presiden Upko, Datuk Wilfred Bumburing pada 28 September 2008 ketika mengulas mengenai kes seorang warga emas di Sabah yang kehilangan kerakyatan Malaysia apabila menukar kad pengenalan MyKad yang baharu. Begitupun, Naib Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (UPKO), Datuk Ewon Ebin menafikan mereka akan mengikut jejak Parti Maju Sabah (SAPP) keluar daripada BN untuk menjadi sebuah parti bebas dan mendakwa itu hanyalah khabar angin.



Untuk Esok yang Lebih Baik

SAPP berpendapat Sabah telah diperdayakan selama ini dan membangkitkan deklarasikan lapan perkara bagi mencapai perkara yang mereka mahukan. Perkara berkenaan termasuklah tadbir urus yang baik dan politik bukan perkauman, autonomi bagi Sabah, 20 peratus royalti minyak, memulangkan semula Labuan, mengkaji semula undang-undang tidak adil dan jabatan yang menjejaskan, mengadakan perkhidmatan awam Persekutuan mengikut rentak Borneo, menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin dan menangani masalah ketidakseimbangan ekonomi dan sosial.

HALUAN BERBEZA

Pada 16 September 2008, sehari sebelum mereka mengumumkan keluar daripada BN, Datuk Yong Teck Lee telah dilihat menghadiri konvensyen isu-isu negeri Sabah anjuran DAP. Apakah tindakan tersebut menandakan mereka telah memilih untuk bekerjasama dengan musuh mereka sebelum ini? Bolehkah kita mengatakan SAPP sudah berkompromi dengan pembangkang? Pendirian Ahli Parlimen SAPP, Datuk Eric Majimbin (Sepanggar) dan Datuk Dr. Chua Soon Bui (Tawau) bahawa mereka tidak akan menyertai pembangkang tetapi tidak juga akan menyertai sebarang pakatan dengan BN memberikan isyarat ada kebenaran di sebalik lapan perkara yang dituntut oleh SAPP. Apakah yang dimaksudkan dengan 'bebas' tetapi tidak menyertai

pembangkang? Mungkinkah SAPP tertarik dengan konsep 'plus' yang diusul oleh DAP? Kehadiran pemimpin utama SAPP pada rumah terbuka Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman juga merupakan sesuatu yang menarik.

Persoalannya, apakah konsep 'plus' yang diungkitkan relevan dan mempunyai hasil yang lebih baik atau sekadar gimik yang kononnya 'plus' menekankan konsep kerjasama iaitu berbeza dengan 'bersama-sama' yang lebih mudah dimarginal oleh Kerajaan Pusat. Secara tersiratnya, apakah strategi politik yang cuba diatur oleh SAPP?

Cara Menangani Permasalahan Sosial

Kebimbangan ini diluahkan oleh pelbagai pihak dan dari kalangan parti politik, SAPP merupakan parti yang paling lantang menyuarakan kebimbangan mereka yang kebelakangan ini agak tenggelam. Tindakan Kerajaan Pusat menyerahkan tugas itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mengetuai usaha memerangi PATI di Sabah dari awal tidak disenangi oleh beberapa pihak dan keseriusan kerajaan pusat menangani isu tersebut dipertikaikan lagi apabila kerajaan meluluskan "Bulan Pengampunan" iaitu sehingga 31 Oktober 2008 untuk PATI yang tidak mempunyai sebarang dokumen untuk memohon. Operasi membanteras PATI sebenarnya bukan sesuatu yang mudah kerana ia melibatkan kad pengenalan palsu, levi, penghantaran pulang PATI dan lain-lain. Keadaan dirumitkan lagi dengan pertindihan tuntutan Filipina ke atas Sabah malah dalam pasport warga Filipina tertera Kerajaan 'Filipina & North Borneo' mendorong PATI dari Filipina menganggap Sabah sebahagian daripada negara mereka dan beranggapan mereka berhak ke atasnya. Isu kehadiran PATI lebih membimbangkan apabila menjurus kepada pemberian IMM13 dan kerakyatan oleh ejen politik yang didakwa mempergunakan mereka untuk memastikan kemenangan dalam pilihan raya.

Perpecahan Parti SAPP?

Pada masa yang sama, jika Datuk Raymond Tan termasuk bekas Naib Presiden LDP, Datuk Liew Yun Fah nekad menubuhkan sebuah parti baharu, ia akan menjadi parti politik yang ke-15 ditubuhkan di Sabah semenjak pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Usul (pelawaan) Parti Demokratik Setiahati Kuasa Rakyat Bersatu Sabah (Setia), salah sebuah parti pembangkang di Sabah yang sebaris dengan Persatuan Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (Pasok) dan Parti Barisan Rakyat Sabah (Bersekutu) telah mengambil kesempatan tersebut* menawarkan diri diambil alih (sanggup menyerahkan teraju kepimpinan parti) agar boleh dibawa masuk ke dalam BN merupakan satu lagi pilihan tetapi harus dikaji dengan terperinci seperti

Datuk Raymond Tan dan beberapa bekas pemimpin kanan SAPP termasuk Datuk Liew Yun Fah yang nekad menubuhkan sebuah parti yang akan diterima baik dalam BN dan bukan sebuah parti yang ditolak oleh BN. Bagaimanapun, Datuk Raymond tidak mempunyai banyak masa kerana sukar bagi beliau duduk di dalam barisan kabinet Sabah sekarang atas calon 'bebas' yang tidak berparti (yang juga pertama kali berlaku dalam sejarah politik Malaysia).

Sebarang parti komponen di Sabah tidak harus menuding jari pada sebarang pihak jika penubuhan parti baharu dilihat bakal memecahbelahkan rakyat Sabah dan menjadikan autonomi politik di Sabah semakin pudar kerana mereka harus menyalahkan diri mereka kerana gagal mencapai muafakat dan persefahaman untuk bekerjasama. Sebaliknya, tidak keterlaluan jika kita menyatakan ada juga parti komponen BN yang masih berada dalam BN cuba mengambil kesempatan. MCA, Gerakan, UPKO, PBS dan PBRS masing-masing telah meluahkan keterbukaan mereka untuk menerima Raymond Tan mahupun pemimpin SAPP yang keluar parti. Persoalannya mengapa Gerakan berat hati mahu menerima Datuk Liew Yun Fah? Apakah kerana beliau tidak memegang sebarang kerusi ADUN atau Parlimen? DAP turut menawarkan diri untuk menerima ketiga-tiga mereka.

GENERALISASI

Secara umumnya, berbicara tentang polemik politik Cina di Sabah pasti akan turut menyentuh parti politik komponen BN lain kerana muafakat BN menyaksikan semua kerusi diagihkan sesama parti komponen BN untuk mengelakkan pertembungan. Sehingga kini, belum ada pihak yang boleh tampil menyatakan formula atau model sebenar yang diguna pakai tetapi secara kasarnya kita boleh menganggap pengagihan dibuat berdasarkan komposisi etnik di sesebuah kerusi tersebut.

Menyentuh keputusan PRU ke-12 di Sabah, apakah mungkin survival BN di Sabah dalam PRU ke-12 disebabkan ketiadaan muafakat sesama komponen Pakatan Rakyat (PR)? Politik Cina pembangkang di Sabah memperlihatkan kekurangan unsur-unsur muafakat seperti senario yang boleh disaksikan di Semenanjung untuk membolehkan pertembungan satu lawan satu. Contoh kes yang paling ketara ialah insiden yang berlaku di bawah kawasan kerusi P.172 Kota Kinabalu dan N.15 Api-api di antara PKR dengan DAP. Christina Liew dari PKR yang bertanding untuk kedua-duanya telah diberi laluan oleh DAP untuk N.15 Api-api iaitu lawan Datuk Dr. Yee Mo Chai dengan harapan Christina akan memberi laluan kerusi Parlimen Kota Kinabalu kepada DAP agar tidak memecahkan undi pengundi yang tidak menyokong BN tetapi tidak terjadi. Begitupun, calon DAP, Dr. Hiew King Chiew yang kurang ternama berjaya memenangi kerusi P.172 dengan kelebihan 106 undi lawan dari pasukan sahabatnya yang lebih dikenali sebagai

aktivis sosial membela nasib rakyat yang mendiami kawasan sekitar Kota Kinabalu yang memperoleh 9,358 undi.

Dua isu besar di Semenanjung Malaysia iaitu tindakan komuniti India di Semenanjung sebelum PRU ke-12 telah melancarkan suatu perarakan yang dikenali sebagai HINDRAF di seluruh Malaysia dan sebelum itu sekumpulan Melayu yang melancarkan BERSIH iaitu kemuncaknya dilihat pada perarakan ke Istana Negara dilihat tidak membawa sebarang kesan terhadap keputusan PRU ke-12 di Sabah mahupun diguna pakai sewaktu kempen. Salah satu faktornya mungkin komuniti India dan bumiputera Islam di Sabah bukan majoriti dan ada isu-isu tempatan yang lebih mendapat perhatian rakyat di Sabah. Begitupun, kita tidak boleh menafikan PRU ke-12 wujud *pattern* pengundian yang berbeza. Namun, dakwaan itu disebabkan oleh undi daripada generasi muda belum ada kepastian dan memerlukan suatu kajian lanjutan untuk mengenal pasti siapa mereka. Dakwaan undi generasi muda yang lebih cenderung memihak kepada pembangkang juga boleh disangkal kerana kajian lapangan menunjukkan sebahagian besar kumpulan terbabit bekerja di tempat lain dan tidak balik untuk mengundi. Kriteria kawasan mengundi bagi penulis merupakan faktor utama menyebabkan golongan profesional generasi baharu gagal menunaikan tanggungjawab mereka kerana lazimnya mereka bekerja di tempat lain dan kalau mengikut rekod SPR, kawasan mengundi selalunya di kampung halaman mereka. Di sini boleh juga dibuat kesimpulan penentu PRU-12 ialah generasi yang lebih tua kerana golongan profesional tidak berpeluang menunaikan tanggungjawab mereka. Malahan, undi pos pula hanya dibenarkan untuk pasukan beruniform iaitu polis dan tentera. Bagaimana dengan kakitangan awam yang bertugas di merata pelosok Malaysia termasuk kastam, guru-guru dan sebagainya.

Pada masa sama, tidak kurang juga pengundi-pengundi yang sengaja memberikan undi rosak meskipun pada hakikatnya itu bukanlah suatu cara yang betul kerana 'orang pun tidak tahu apa yang mereka inginkan.' Temu bual dengan Datuk Liew Yun Fah ada menyatakan 'sekiranya penduduk luar bandar mengharapkan bantuan kebajikan daripada kerajaan, mereka akan cenderung setia dengan BN. Namun, komuniti di bandar sama sekali berbeza kerana rata-rata penduduk bandar mempunyai kehidupan mereka sendiri dan isu serta keperluan mereka ternyata sudah berbeza sama sekali. Ketika penduduk luar bandar memikirkan keperluan asas, mungkin penduduk bandar pula memikirkan perkara-perkara lain yang lebih global, misalnya ekonomi global, ICT dan sebagainya. Namun, pendapat Prof Emeritus Dr. Khoo Kay Kim yang menyatakan pola pengundi masyarakat Cina adalah demi kepentingan sosioekonomi diperakui tetapi memerlukan kajian tambahan untuk mengenal pasti perinciannya.

Agenda kebajikan masyarakat khususnya isu-isu seperti jalan raya bertar, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan sebagainya mungkin bertepatan dan sesuai

untuk masyarakat luar bandar tetapi tidak relevan dengan masyarakat bandar. Masyarakat bandar seperti pendapat Datuk Liew Yun Fah, “sudah mempunyai kehidupan sendiri, ada rumah, pekerjaan, ada pendapatan tetap dan isu mereka lebih global, misalannya ekonomi global. Isu-isu seperti kenaikan harga barang kawalan dan petrol, isu pendidikan serta keselamatan yang tidak diselesaikan oleh wakil rakyat dan pihak kerajaan yang sebelumnya menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan penduduk Cina”. Tambahnya, media massa seperti jaringan internet juga memainkan peranan membekalkan maklumat tambahan dan mempengaruhi pilihan mereka terhadap parti-parti politik.

Keanggotaan BN telah berkurangan satu menjadi 13 apabila SAPP mengisytiharkan sebagai Bebas dan tidak menyertai pakatan pembangkang pada 17 September 2008.¹⁰ Satu persoalan lain yang juga boleh dibangkitkan adalah apakah BN Pusat sebenarnya boleh mengelak SAPP keluar daripada BN jika mereka memandang serius usul yang dibawa oleh mereka? BN Pusat juga dilihat melengahkan usaha untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan surat tunjuk sebab yang diberikan kepada parti berhubung usul ‘hilang kepercayaan’ parti itu terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dari kalangan pemimpin UMNO sendiri sudah ada yang lebih awal mendesak Pak Lah mengundurkan diri. Kenapa hal itu tidak dijadikan isu tetapi apabila SAPP melakukan perkara yang sama menjadi isu? Kenapa Pak Lah menyifatkan tindakan parti itu tidak lebih sebagai pengacau? Mungkinkah BN Pusat memandang entang isu ini kerana SAPP hanya ada dua kerusi di Dewan Rakyat jika kita merujuk kepada sebahagian kenyataan-kenyataan yang diberikan pemimpin UMNO kepada media?

Kemenangan DAP di dua kawasan tersebut wajar dipandang serius dan dikaji secara terperinci khasnya persoalan tentang kemahuan sebenar rakyat di kawasan bandar. DAP Sabah turut diramalkan sukar mendapat sambutan rakyat – antara faktornya – lantang menyuarakan pandangan yang adakalanya menyerupai bantahan yang keterlaluan akan menjejaskan. DAP sebenarnya turut dipersoalkan kerana selama ini isu yang dibantah (isu yang dibawa) tidak membawa perubahan. Namun demikian, tidak dinafikan bantahan DAP ada diambil kira oleh kepimpinan BN untuk memperbaiki diri kerana ‘bantahan’ yang dibawa oleh DAP sebenarnya sama ertinya dengan ‘suara rakyat’. Cuma, cara permasalahan itu dibawa melalui cara yang berbeza (melalui nada suara pembangkang). Sekiranya Prof. Datuk Shamsul Amri (2008) pernah meluahkan pendapat BN tidak boleh menggunakan model politik di Semenanjung untuk ‘ditempel’ (model yang sama diguna pakai) di Sabah dan Sarawak, maka mungkin kita harus mempertimbangkan juga model politik yang berlainan untuk kawasan bandar dengan luar bandar.

PENUTUP

Parti politik Cina di Sabah SAPP, LDP, MCA, Gerakan dan DAP sebenarnya saling melengkapi bersama-sama dengan UMNO, PBRS dan UPKO untuk membentuk landskap politik Sabah. Matlamat mereka mungkin sama iaitu memperjuangkan hak, kepentingan dan isu-isu Sabah melalui kuasa politik tetapi ideologi dan pendekatan mereka berbeza.

Isu nasional yang memberikan kesan terhadap masyarakat Cina Sabah adalah kenaikan harga minyak yang sekali gus menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan asas. Isu kenaikan harga minyak menyaksikan kebuntuan BN membantu penduduk memahami tindakan tersebut. Faktor ini sebenarnya juga merupakan faktor utama peralihan pengundi Cina di Sarawak kepada pembangkang dalam pilihan raya DUN ke-9, tidak lama dahulu. Orang Cina merupakan golongan yang paling terasa kerana majoriti mereka terlibat dengan aktiviti pemiagaan. Isu BERSIH dan HINDRAF seolah-olah mungkin tidak memberikan kesan langsung terhadap senario politik di Sabah tetapi secara tidak langsung sedikit banyak menjejaskan kepercayaan masyarakat Sabah terhadap kredibiliti kepimpinan pusat di Semenanjung.

Isu tempatan yang paling menarik perhatian ialah PATI di Sabah dan isu agihan royalti minyak oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Isu sebelum pengumuman pencalonan lebih menjurus kepada pergolakan politik dalaman parti dan permuafakatan perkongsian kuasa sesama parti pakatan BN yang menyaksikan mantan Timbalan Presiden Parti LDP merangkap mantan YB DUN N.58 Merotai dan mantan Menteri Belia dan Sukan Sabah digugurkan pada saat-saat akhir dan perebutan kerusi Kota Kinabalu di antara SAPP dengan PBS. Kebanyakan isu lokal yang dimainkan pembangkang ialah isu pembangunan dan peningkatan jenayah yang membimbangkan. Begitupun, tempoh berkempen yang dikatakan terlalu lama yang terbahagi kepada dua fasa iaitu *cooling period* dan *campaign period* turut mempengaruhi. Wacana isu-isu politik ini tidak semuanya berakhir di situ sebaik selesai PRU ke-12 sebaliknya sesetengah isu seperti kenaikan harga minyak dan PATI semakin memuncak sehingga menyaksikan SAPP keluar daripada BN pada 17 September 2008. Prestasi buruk BN dalam PRU ke-12 baru-baru ini sedikit banyak mempengaruhi tindakan SAPP. Perjuangan hak, autonomi dan isu-isu yang melibatkan Sabah mungkin sama tetapi melalui suara-suara yang tidak senada.

Umumnya, bukan semua isu nasional memainkan peranan yang signifikan di Sabah dan Sarawak. Agenda kebajikan masyarakat khususnya isu-isu seperti jalan raya bertar, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan sebagainya mungkin bertepatan dan sesuai untuk masyarakat luar bandar tetapi ia tidak relevan dengan masyarakat bandar. Isu-isu seperti kenaikan harga barang kawalan dan petrol, isu pendidikan

serta keselamatan yang tidak diselesaikan oleh wakil rakyat dan pihak kerajaan yang sebelumnya menyebabkan ketidakpuasan hati dalam kalangan penduduk Cina. Seperti yang pernah dikatakan oleh Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri, BN tidak boleh ambil model di Semenanjung dan 'tempelkannya' di Sabah dan Sarawak. PRU ke-12 ini menyaksikan BN gagal mendalami makna ini sebaliknya pembangkang merancang strategi mereka berdasarkan idea tersebut.

NOTA

¹ UMNO, MCA, Gerakan, MIC dan parti pembangkang seperti DAP, Pas dan PKR adalah parti dari Semenanjung yang dibawa masuk ke Sabah.

² SAPP mempunyai sebuah badan pemikir yang dikenali Institut Progresif Analisis Polisi Awam (PIPPA) yang sebelum ini dipengerusikan oleh mantan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Tham Nyip Shen yang juga Ketua Biro Sains dan Teknologi Maklumat SAPP; Penasihat Sains dan Teknologi kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan merupakan salah seorang pengasas parti SAPP.

³ *Datuk Yong told a press conference that the Sabah Progressive Party was formed because of the urgent need for a state-federal reconciliation in order to bring Sabah into the mainstream of development. "I believe that this is the time for a change in the political scenario," he declared.*

⁴ Joseph Sipalan. *KK incumbent may not win, says Yong: SAPP president urges PBS to respect 'other people's right to express their thinking.'* The Borneo Post, Monday, February 18, 2008. front page.

⁵ SAPP Ultimatum. <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=57516>

⁶ BN Components treated like beggars: Keng Yeik. <http://www.dailyexpress.com.my/news.cfm?NewsID=57527>

⁷ Persoalan apakah SAPP berada di marginal kerana dua kerusi MP mereka dipindahkan ke pihak pembangkang. Kenapa status mereka dibezakan dengan Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali?

⁸ Jawatankuasa Pusat (CC) Gerakan merumuskan bahawa parti itu perlu mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) bagi membincangkan perkara itu dan bukan membincangkannya semasa Persidangan Perwakilan Kebangsaan (NDC) jika anggota parti bertegas untuk membahaskannya.

⁹ Catatan berdasarkan kenyataan Presiden Setia, Henry Rumpit berkata, pihaknya bersedia memberi laluan kepada Shu Kiah untuk mengambil alih Setia sekali gus membawa parti tersebut ke dalam BN. Mengenai ideologi dan perjuangan politik berbeza antara Setia yang merupakan parti pembangkang dan Shu Kiah, beliau berkata, perkara tersebut tidak menjadi masalah. "Kami rela mengorbankan perjuangan Setia untuk rakyat Sabah sebelum ini kerana yakin, jika Setia bergabung dengan BN, perjuang kita akan lebih bermakna," katanya.

¹⁰ BN ialah sebuah Parti Perikatan yang secara rasminya didaftarkan pada 1 Julai 1974 dengan keanggotaan asal UMNO, MCA, Gerakan dan MIC berasaskan konsep perkongsian kuasa. BN kemudian disertai enam buah parti lain yang sebelum itu adalah parti pembangkang iaitu Pas (yang kemudian dikeluarkan daripada BN), Parti Progresif Rakyat (PPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Pesaka Bumiputra dan USNO dari Sabah. Hanya DAP dan PSRM enggan menyertai gabungan parti itu.

RUJUKAN

- Alan Ting. *Gerakan perlu lebih banyak bersabar*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0925&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_05.htm&arc=hive
- Dijangka tubuh parti baru*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0920&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_09.htm&arc=hive – diambil pada 19/09/2008
- Formation of Sabah Progressive Party (SAPP)* - http://www.sapp.org.my/default.asp?page=bg_formation & http://www.sapp.org.my/default.asp?page=bg_formation2
- Kerusi 2 Ahli Parlimen SAPP dipindah ke pembangkang*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0921&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_04.htm&arc=hive – diambil pada 21/09/2008
- Lebih ramai ahli SAPP akan sertai komponen BN*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0922&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_11.htm&arc=hive – diambil pada 22/09/2008
- MCA, Gerakan, DAP sedia buka pintu*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0920&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_10.htm&arc=hive – diambil pada 20/09/2008
- Mohd Arif Atan. *Politik kawan dan lawan*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0919&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_07.htm&arc=hive – diambil pada 19/09/2008

- UPKO ikrar kekal bersama BN.* http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0923&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_03.htm&arc=hive diambil 23/09/2008
- Percubaan gelorakan politik Sabah.* http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0324&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_06.htm&arc=hive
- Sapp pulls out of BN, stays independent.* <http://www.malaysiakini.com/news/89895> - diambil Sept. 17, 2008
- Setia bersedia menyertai BN.* http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0922&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_13.htm&arc=hive - diambil pada 22/09/2008
- Will Upko follow SAPP?* Daily Express (front page). 20th September 2008. Monday. m/s. 1
- Yong's press statement in full.* <http://www.malaysiakini.com/news/89902>. 17 September 2008.
- 2,000 keluar SAPP.* http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0921&pub=utusan_malaysia&sec=politik&pg=po_05.htm&arc=hive - diambil pada 21/09 2008